



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-740 4000
Faks : 04-740 4342
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj.Tuan :
Ruj. Kami : JPNK.600-3/4/5 Jld.2 (16)
Tarikh : 17 Julai 2023

Cik Wong Chew Peng
Setiausaha Pertandingan
Pengetahuan Am Agama Buddha

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN DAN PENGLIBATAN MURID BERAGAMA BUDDHA MEYERTAI PERTANDINGAN PENGETAHUAN AM KEAGAMAAN BUDDHA TAHUN 2023 BAGI MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN YOUNG BUDDHIST ASSOCIATION OF MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada pihak tuan adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (JPNK) telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak tuan. Pihak JPNK mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNK mengambil maklum akan permohonan tersebut serta **tiada halangan** bagi murid – murid dalam negeri ini untuk menyertai **Pertandingan Pengetahuan Am Keagamaan Buddha Tahun 2023 bagi Murid Sekolah Rendah dan sekolah Menengah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia** anjuran **Young Buddhist Association of Malaysia** pada **15 Julai hingga 31 Ogos sahaja**. Walau bagaimanapun, pihak JPNK ingin mengingatkan bahawa penglibatan dalam aktiviti tersebut hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Bil.7/1988, Bil.8/2009 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak tuan dimohon untuk memastikan perkara – perkara berikut dipatuhi:

- 3.1 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Guru Besar / Pengetua sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.3 Pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 Penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejasakan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) / program / aktiviti sekolah;
- 3.6 Pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak pengajur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.8 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;**
- 3.9 Pihak pengajur dimohon mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A) kepada Sektor Pembangunan Murid, JPN Kedah dalam tempoh 30 hari selepas tamat program untuk tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum ; dan
- 3.10 Pihak JPN Kedah berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

JPNK.600-3/4/5 Jld.2 ()

-3-

4. Untuk makluman pihak tuan, surat kelulusan ini hanya untuk **Young Buddhist Association of Malaysia** dalam Pertandingan Pengetahuan Am Keagamaan Buddha Tahun 2023 bagi Murid Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia pada 15 Julai hingga 31 Ogos 2023 sahaja. Sebarang kebenaran program baharu atau perubahan tarikh program hendaklah dikemukakan kepada pihak Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.

5. Sebarang pertanyaan berkaitan, boleh hubungi pegawai berurusan di Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, **En. Pn.Jamkhuriyati Binti Hussain**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid di talian **019-4887414** atau e-mel **jamkhuriyati@moe.gov.my**.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menjalankan amanah,



(SABRI BIN OSMAN, BCK.)

Timbalan Pengarah Pendidikan (Pembangunan Murid)

Jabatan Pendidikan Negeri Kedah

b.p: Pengarah Pendidikan Kedah

s.k. Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kedah

jam/programngokpmjpnk/locald

LAMPIRAN A

**LAPORAN
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)**

1.0 Nama Program/Aktiviti:

2.0 Tarikh Pelaksanaan:

3.0 Mod Pelaksanaan:

4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	SEKOLAH /NEGERI/ NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
JUMLAH											

5.0 Jadual Pengisian I Pelaksanaan Aktiviti:

6.0 Peruntukan I Perbelanjaan yang Diturunkan: ("““Jika Berkaitan)

7.0 Tetamu Kehormat (VIP): ("“Jika berkaitan)

JPNK.600-3/4/5Jld.2 ()

-5-

8.0

KATEGORI PERTANDINGAN					
Kedudukan	Nama Murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	PPD
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

9.0 Isu dan cabaran:

10.0 Elemen Human Governance yang dilaksanakan:

11.0 Cadangan penambahbaikan:

12.0 Gambar:

Disediakan Oleh: _____

Tarikh : _____

LAMPIRAN B

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami :
Tarikh :

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan, Jalan Stadium
05604 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tuan,

SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PENGLIBATAN MURID
BAGI MENYERTAI
ANJURAN.....

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Sektor Pembangunan Murid (SPMu) bernombor rujukan: bertarikh adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.17 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam pada

3. Pihak akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada SPMu tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak Tuan. boleh menghubungi atau emel

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

(Nama)

Jawatan